

ZAKAT: MEDIUM PEMBANGUNAN RESILIENSI ASNAF MUALLAF

Fauziah Md Jaafar
Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: mjfauziah@uum.edu.my

Khaliza Saidin
Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: khaliza@uum.edu.my

ABSTRAK

Pemberian zakat secara tidak langsung meningkatkan keyakinan kepada pembayar zakat dan memberi impak dan manfaat kepada asnaf keseluruhannya. Salah satu asnaf yang layak menerima zakat adalah asnaf muallaf. Namun penerapan nilai keagamaan merupakan perkara penting kepada asnaf muallaf untuk memantapkan pegangan akidah mereka serta sebagai keperluan bagi menjamin asnaf muallaf tidak terjebak dengan isu murtad yang merupakan isu dan ancaman yang besar masa kini. Tiada mekanisme yang khusus setakat ini bagi mengenalpasti keperluan asnaf muallaf dalam meningkatkan nilai keagamaan dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Reka bentuk kajian ini adalah secara kualitatif yang melibatkan instrumen temubual dan dokumen serta melibatkan 5 orang responden asnaf muallaf yang dijalankan secara kajian kes. Hasil kajian ini mempamerkan beberapa tema yang menunjukkan cabaran dan halangan yang mereka hadapi khususnya pegangan aqidah dan hilang arah tuju dan matlamat sebenar mereka setelah memeluk agama Islam. Impaknya institusi zakat dan juga jabatan agama Islam bagi setiap negeri perlu memperkasakan agihan zakat dan ilmu keagamaan yang mantap sebagai wadah terbaik berlandaskan syariat Islam.

Kata kunci: Institusi Zakat, resiliensi, asnaf muallaf

1. Pengenalan

Bagi mendapatkan keberkesanan dan tercapainya objektif zakat, penambahbaikan terhadap pengurusan zakat perlu dilakukan secara berterusan. Zakat bermaksud harta yang tumbuh, bertambah, berkat, bersih suci dan subur merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam setelah cukup syarat wajib zakat. Kewajipan zakat bermakna Islam sangat menitikberatkan tentang keadilan sosial masyarakat. Zakat merupakan satu mekanisme ibadat dan kewangan yang bermatlamat untuk membersihkan hati dan harta pembayar zakat di samping membantu golongan yang kurang berkemampuan. Secara teorinya, zakat dibayar oleh golongan yang kaya untuk diagihkan kepada golongan miskin dan golongan asnaf lain yang memerlukan untuk tujuan meningkatkan taraf hidup orang yang kurang berkemampuan dan mengurangkan jurang kekayaan dalam kalangan masyarakat kita. Sehubungan itu, proses pengagihan zakat perlu diberi perhatian yang berterusan agar proses pengagihan zakat kepada golongan asnaf mencapai tahap yang optimum. Ini bukan saja dilihat akan memberi impak yang berkesan dan besar bukan sahaja kepada asnaf zakat malah kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya (Nik Mustafa, 2001). Usaha ini akan memberi kesan kepada perubahan hidup asnaf bukan sahaja mungkin berjaya keluar daripada golongan yang menerima zakat malah mungkin akan menjadi penyumbang atau pembayar zakat.

Mekanisme yang komprehensif berpandukan objektif zakat akan memberi impak kredibiliti institusi pengurusan zakat sebagai amil. Ini secara langsung meningkatkan keyakinan kepada pembayar zakat dan memberi impak dan manfaat kepada asnaf. Salah satu asnaf yang layak menerima zakat adalah asnaf muallaf (Mohammad Noorazlan Md Ismail & Nor Aini Ali, 2023). Namun penerapan nilai keagamaan merupakan perkara penting kepada asnaf muallaf untuk memantapkan pegangan akidah. Asnaf muallaf boleh didefinisikan sebagai individu yang memeluk Islam tetapi belum kukuh lagi pegangan dan pengetahuan tentang Islam. Bagi mencapai keperluan asnaf muallaf dalam memahami ajaran Islam maka nilai keagamaan perlu diberi pengisian utama kepada diri individu

tersebut. Isunya di sini, mengapa agama itu sebagai agihan zakat? Agama sebagaimana kita tahu mempunyai kuasa besar dan memberi impak yang tinggi kepada setiap individu. Agama juga merupakan panduan kepada manusia untuk beramal sebagai cara hidup (Ahmad Shahir Maktar, Shofian Ahmad, Zaini Nasohah dan Mat Noor Mat Zaini (2011).

Kekurangan nilai keagamaan dalam diri individu akan mengganggu gugat pegangan akidah memberi tekanan hidup dari aspek psikologi, menjejaskan ibadah dan gejala sosial individu muallaf seperti murtad. Namun sebagaimana kita ketahui mekanisme agihan zakat terhadap golongan tersebut masih kurang diberi perhatian dari aspek meningkatkan nilai keagamaan berbanding dengan bantuan sara hidup seperti kewangan, barangan dan keperluan lain. Oleh itu penyelidik berpandangan amat perlu dikaji tentang resiliensi asnaf muallaf dalam menangani setiap cabaran yang dihadapi dan dilalui oleh mereka.

Apabila memperkatakan tentang resiliensi, ianya boleh ditakrifkan sebagai satu proses untuk memanfaatkan pelbagai keupayaan bagi mengekalkan kesejahteraan (Southwick, Bonanno, Masten, Panter-Brick & Yehuda, 2014). Resilensi juga boleh didefinisikan sebagai keadaan di mana individu itu berada dalam situasi berisiko dan berjaya menyesuaikan diri, menghadapi cabaran apabila berdepan dengan keadaan berisiko, berubah ubah dan pelbagai tekanan yang diterima, dalam masa yang sama mereka menunjukkan watak ketabahan dalam menempuh pelbagai cabaran. Oleh itu pengkaji merasakan amat perlu penekanan pembangunan resiliensi asnaf muallaf ini dikaji kerana mereka ini saudara baru kita yang menghadapi pelbagai tekanan dan risiko yang tinggi setelah memeluk agama Islam. Adalah menjadi tanggungjawab kita terhadap kebajikan mereka dan membina resiliensi dalam diri mereka dalam menangani masalah dan tekanan yang dihadapi.

Bagi tujuan itu, diharapkan institusi zakat dapat memainkan peranan bukan sahaja dana zakat dapat dimanfaatkan agar selari dengan kehendak syarak (Hasanah Abd Khafidz, 2011). Hal demikian menunjukkan keperluan dari aspek keagamaan dalam meningkatkan pegangan akidah, mengukuhkan amal ibadah merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia (Salasiah Hanim Hamjat, Zainab Ismail dan nor Shakirah Mat Akhir (2012).

2. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif diaplikasikan dalam kajian ini untuk menyelami secara mendalam berkaitan isu ataupun fokus kajian ini iaitu pemeraksanaan agihan zakat dan resiliensi asnaf muallaf. Bagi membangunkan resiliensi asnaf muallaf ini. Kajian berbentuk konstruktivitis perlu bagi menuntut pelbagai jenis persoalan untuk dijelaskan. Pengalaman dan realiti hidup individu itu diambilkira. Menurut Brewer (2001) konstruktivitis amat bergantung kepada kajian kualiti untuk menyelesaikan persoalan dan permasalahan kehidupan. Bagi menjawab persoalan yang pelbagai, kajian terhadap dokumentasi dan temubual *open-ended* dijalankan (Patton, 2002). Responden adalah dipilih secara rawak terdiri dari asnaf muallaf sekitar Sungai Petani, Kedah. Maklumat tentang responden diperolehi dari pejabat Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

3. Dapatan kajian

Berdasarkan temubual dengan 5 orang responden, berikut adalah respon yang diberikan oleh responden.

Responden A:

Seorang pemuda India yang baru memeluk agama Islam pada 5 Januari 2019. Dia berusia 26 tahun ketika memeluk agama Islam secara sukarela. Pada permulaan dia memeluk agama Islam, hanya

ayahnya saja yang tidak mengetahui tetapi setelah ayahnya mengetahui ayahnya tidak suka tetapi ayahnya hanya bersahaja dan tidak mengendahnya. Ibu, abang dan adiknya mengetahui pada permulaan dia menganut agama Islam tetapi masing masing tidak ambil endah kecuali abangnya memberi amaran kepada adiknya supaya tidak i memeluk agama Islam.

Setelah masuk ke PUSBA, dia berhenti kerja. Sebelum ini menguruskan perniagaan keluarga sendiri. Dia mendapat sokongan yang kuat dari komuniti terutama orang masjid.

Responden B:

Seorang pemuda berbangsa cina berusia 21 tahun dan telah memeluk agama Islam bulan Mei 2017. Dia telah berniat untuk memeluk agama Islam sejak 2016 lagi kerana dia sering bergaul dengan orang melayu, sering melihat mereka bersolat dan ingin mengetahui perasaan orang yang bersolat. Ayahnya menentang hebat ketika dia memeluk agama Islam. Begitu juga adik beradiknya yang lain dan rakan rakannya yang berbangsa cina yang menentang dia memeluk Islam. Mereka sering menghasut bapanya dan sehingga satu ketika ayahnya memukulnya teruk dan dia lari dari rumah. Ketika itu dia tiada kawan yang membantu. Dia memohon pertolongan di masjid dan seorang Pak Haji membantunya membawa dia lari ke Sungai Petani, namun ayahnya dapat cari dan bawa balik ke rumah serta memaksa dia menyembah tokong tetapi dia tidak mengendahkan dan enggan menyembah tokong. Kawan Kawan cina sering menghasutnya menyatakan agama Islam kotor dan tidak betul. hasutan rakanrakannya menyebabkan dia hampir murtad kerana ingin meninggalkan agama Islam. Namun selepas itu dia mencari kawan kawan melayu dan mereka mengajaknya solat semula serta membawa dia berjumpa ustaz dan dia mula kembali kepada Islam. Dalam bulan Mei 2018, rakan rakan Islam mencari jodoh untuknya dan diapun berkahwin dengan isterinya sekarang. Namun abangnya dapat tahu dan menyerang dia di rumah ibu mertuanya. Semenjak itu hubungan dia dengan keluarga putus. Sekarang isterinya sedang sarat mengandung. Terlalu banyak dugaan dia setelah memeluk agama Islam tetapi sekarang dia mendapat sokongan kuat Ibu bapa mertuanya dan isteri tercinta.

Responden C:

Seorang pemuda cina yang berusia 39 tahun berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau seorang tukang masak. Dulu dia tidak ada pegangan agama. Dia mempunyai 2 orang anak. Ketika berusia 24 tahun dia cuba bunuh diri. Pada bulan Julai 2018 dia memeluk agama Islam setelah mengharungi berbagai masalah dan cabaran. Dia pergi 3 buah masjid dan mencari Imam kerana ingin memeluk agama Islam tetapi tiada imam ketika itu. Dia berniat memeluk agama Islam kerana dia menghadapi masalah kejatuhan perniagaannya yang teruk dan pada masa itu kawannya mengajaknya solat. Ketika dalam masjid dia memohon minta pertolongan dari Allah. Selepas itu dia pergi ke masjid ke 4 dan nekad untuk mencari imam tetapi imam belum datang lagi. Ketika itu hampir waktu isyak. Dia mula was was dan ingin pulang ke rumah. Namun orang masjid yang ada ketika itu minta dia tunggu dan selepas itu dia memeluk agama Islam di mana ketika itu pegawai zakat juga turut ada di situ. Ketika memeluk agama Islam, ibunya telah membuat laporan kepada pihak polis sehingga dia dimasukkan ke lokap. Dalam masa itu ada seorang ustaz datang ikat jamin Rm 6000.00 yang mana ustaz tersebut pernah makan koey teow kerang di kedainya. Bila ustaz tu dapat tahu dia kena masuk lokap, dia cuba bantu. Keluar lokap dengan kuasa Allah dan ibunya menerimanya dan amat mengembirakan dia apabila ibunya sendiri menghantarnya untuk solat Jumaat di masjid. Setelah itu, dia masuk PUSBA kerana untuk mendalami Islam dan belajar solat.

Responden D:

Seorang pemuda cina dari Sarawak berusia 24 tahun, sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Memeluk agama Islam pada 28 Mac 2018 iaitu sempena hari kelahirannya. Dia menerima hidayah memeluk agama Islam melalui mak ciknya yang terlebih dahulu memeluk agama Islam.

Kedua dua ibu bapanya menerima dia memeluk agama Islam kerana mengikut keturunan keluarganya, sebelah bapa, neneknya Islam tetapi datuknya Cina. Mereka berkahwin dengan tidak menukar agama. Tetapi ibu saudaranya yang lain tidak menerimanya sehingga sekarang. Cabarannya setelah memeluk agama Islam ialah ketika hendak bersolat di tempat kerja, ketika itu dia belum lagi berkahwin. Pekerja di tempat kerjanya semua berbangsa Cina. Mereka tidak tahu dia memeluk agama Islam. Kadang-kadang dia terpaksa qada solat zohor, asar dan maghrib. Solat dia juga tidak sempurna dan hanya belajar melalui buku. Oleh itu dia nekad berhenti kerja dan masuk PUSBA kerana ingin mendalami Islam.

Responden E:

Seorang pemuda dari kaum asli berasal dari Grik Perak. Beliau berusia 18 tahun. Dia memeluk agama Islam sejak dari peringkat bayi lagi bersama-sama dengan keluarganya. Selama 18 tahun hidup sebagai muallaf tiada mana-mana pihak pun yang datang ke perkampungan mereka untuk mengajar, membimbing dan memberi ilmu tentang agama Islam setelah mereka diIslamkan beramai-ramai di sekolah perkampungan tersebut. Dia amat sedih apabila mereka ditinggalkan dan dipinggirkan begitu saja tanpa dibimbing dan diberi ilmu tentang agama Islam. Kehidupan mereka setelah diIslamkan tetap seperti sebelum memeluk agama Islam seperti pemakanan, adab kehidupan, pakaian, ibadah mereka tidak menunjukkan mereka seorang Islam sejati. Mereka masih makan makanan yang haram dalam agama Islam, pakaian yang tidak menutup aurat, ibadah solat, puasa dan rukun Islam yang lain tidak mereka ketahui. Pendaftaran mereka sebagai seorang Islam juga tidak dilaksanakan oleh pihak yang mengIslamkan mereka. Ramai dalam kalangan puaknya yang kembali kepada agama asal mereka.

Rentetan dari hal ini ketika berusia 12 tahun, dia merasakan dirinya kosong dan merasakan apa yang masyarakat sekelilingnya lakukan dalam kehidupan mereka sebagai seorang Islam adalah salah. Ketika usia 12 tahun pemuda ini berusaha bersungguh-sungguh belajar membaca kerana sebelum ini dia tidak boleh membaca. Matlamatnya apabila dia boleh membaca dia boleh mencari ilmu agama tentang Islam.

Ketika berusia 18 tahun melalui ibu angkatnya telah mendaftarkan di Pusat Bimbingan Islam di Sg Petani (PUSBA). Dia berniat dan berazam akan menuntut ilmu sebanyak mungkin mendalami agama Islam dari segi ibadah, cara hidup, pakaian dan pemakanan sebagai seorang Islam. Dia berniat dan berazam untuk belajar dan mendalami Islam supaya dia dapat membimbing puak dia nanti apabila pulang ke Perak.

4. Perbincangan

Keberhasilan agihan zakat terhadap nilai keagamaan diakui mempunyai impak dalam mencapai matlamat memperbaiki kehidupan asnaf muallaf. Pelaksanaan pengagihan zakat terhadap nilai keagamaan memang telah lama dilaksanakan tetapi masih banyak masalah yang dihadapi untuk mengubah sikap asnaf muallaf supaya dapat mengharungi cabaran dalaman dan cabaran luaran hasil dari agihan zakat. Bagi tujuan menjadikan penerima bantuan lebih bertanggungjawab dalam menerima bantuan dan berakuntabiliti dalam segala masalah yang mereka hadapi, maka mereka memerlukan pengawasan, pemantauan yang ketat dan berkesan (Zakaria Bahari, 2011). Secara umum, mekanisme agihan zakat menjadi suatu kaedah yang praktikal dan menumpukan kumpulan sasar dengan lebih khusus.

Walaupun pengurusan zakat dikatakan telah melalui proses transformasi dari aspek pengurusannya sehingga memberi kesan terhadap pembayar dan penerima (Ahmad Shahir Makhtar et.al 2011)

namun prestasi agihan zakat masih perlu dipertingkatkan dengan mengenalpasti bagaimanakan mekanisme yang bertepatan dengan dalam agihan zakat terhadap nilai keagamaan.

Dengan erti kata lain pendekatan sebenar, realiti permasalahan asnaf muallaf dan penyesuaian mekanisme agihan zakat mengikut tempat perlu diambilkira. Dalam membina mekanisme baharu selaras dengan objektif kajian ini maka agihan zakat perlu dikendalikan berteraskan realiti sebenar dan kesesuaian dari aspek sumber kewangan zakat, perundangan dan keupayaan kakitangan yang terbabit dengan muallaf. Inilah lompong yang masih belum dipenuhi oleh mana-mana mekanisme agihan zakat sama ada oleh di peringkat persekutuan, negeri mahupun pertubuhan muallaf sendiri.

Pemberian zakat kepada asnaf muallaf mengandungi tujuan-tujuan yang tertentu. Menurut al-Qardawi (1994) peruntukan zakat boleh diberikan kepada muallaf dengan tujuan mencenderungkan hati, memperkuat pegangan, memperkuat golongan lemah atau mendapatkan pembantu yang menolong mereka dan menghindarkan keburukan ajaran kufur. Bahkan Mahyeddin et al. (2011) menegaskan agihan zakat bertujuan untuk menangani isu murtad di Malaysia. Namun selama mana agihan zakat boleh diberikan kepada muallaf bergantung kepada polisi kerajaan (Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor, 2002). Maka mekanisme agihan zakat bagi jangka masa panjang lebih efisien berbanding zakat dalam bentuk saradiri (Zakaria Bahari, 2011). Namun begitu, antara lain saudara baru ini juga perlu sokongan sosial dan menyokong mereka dari aspek resiliensi di mana terdapat segelintir saudara baru yang dipulau dan dibuang dari ahli keluarga yang bukan Islam. Mereka hilang tempat bergantung dan hidup sebatang kara untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang saudara baru. (Suariza et al, 2018; Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman, 2020).

Pemberian zakat kepada asnaf muallaf boleh diringkaskan dengan tujuan untuk mengukuhkan nilai-nilai pegangan agama dalam diri mereka. Nilai keagamaan mempunyai kuasa besar, menjadi panduan kepada manusia untuk beramal sebagai satu cara hidup (Ahmad Munawar Ismail et al., 2011). Dalam konteks kajian ini nilai keagamaan merujuk kepada tiga aspek utama iaitu kekuatan pegangan akidah, pemahaman terhadap syariat Islam dan pengamalan akhlak sebagai seorang Islam. Islam merupakan al-Din, merangkumi tiga nilai yang syumul iaitu akidah, syariah dan akhlak (Shofian dan Amir Husin 2002). Menurut Abdul Karim Zaidan (2002) ajaran Islam bermula dengan nilai keagamaan yang terkandung dalam akidah, ibadah dan akhlak Islamiah. Akidah sangat penting kepada kehidupan manusia kerana ia merupakan teras seseorang manusia dalam beragama (Che Zarina Sa'ari & Joni Tamkin Borhan, 2006). Keimanan adalah perkara penting sebagai penggerak kebaikan, pemahaman syariat dan pembentukan akhlak mahmudah. Ibadah turut berperanan meningkatkan keimanan (al-Ghazali, 1994).

5. Kesimpulan

Oleh itu diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi impak terhadap Institusi Zakat dan juga Jabatan Agama Islam bagi setiap negeri dalam memperkasakan agihan zakat dan ilmu keagamaan yang mantap sebagai wadah terbaik berlandaskan syariat islam. Diharapkan juga dalam masa yang sama matlamat Sustainable Development Goals (SDGs) seiring dengan institusi zakat bagi menjamin masa depan asnaf berdasarkan *maqasid syariah* merangkumi perlindungan daripada agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Oleh demikian, sekiranya kutipan dana zakat lebih banyak dikumpul maka lebih berkuasa zakat mampu untuk memainkan peranannya dalam kehidupan sosial, kebajikan, dan pembangunan ekonomi para asnaf (Eko, Mohamed Aslam & Azhar, 2017).

6. Penghargaan

Saya selaku ketua penyelidik bagi Geran Zakat Kod S/O 14110 mengucapkan terima kasih dan setinggi tinggi penghargaan pada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan juga Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas peluang yang diberikan dalam menjalankan penyelidikan ini ke atas asnaf muallaf Pusat Bimbingan Islam (PUSBA).

7. Rujukan

- Abdul Hafiz Abdullah & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, (2010). Islam dan keadilan sosial menurut pandangan Hamka dalam tafsir al Azhar: Tumpuan khusus kepada kepentingan zakat. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat*. Anjuran Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif, Brunei Darul Salam.
- Ahmad Shahir Maktar, Shofian Ahmad, Zaini Nasohah & Mat Noor Mat Zaini (2011). Transformasi Zakat pengurusan kutipan zakat di Malaysia. *Kolokium Siswazah Jabatan Syariah 2011*, Fakulti Pengajian Islam, UKM (1-25).
- Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Abd Rahman (2020). Sokongan sosial: satu keperluan dalam pemeraksanaan saudara baru. *Jurnal Pengajian Islam*, ISSN: 1823 7126, E-ISSN: 0127-8002, Vol. 13, No. 2 Nov 2020, (pp 238-253)
- Hasanah Abd Khafidz, (2011). *Fi sabilillah sebagai medium zakat produktif transformasi zakat daripada zakat saradiri kepada zakat produktif*. Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) USM.
- Eko Suprayitno, Mohamed Aslam & Azhar Harun (2017). Zakat and SDGs: Impact Zakat on Human Development in the Five States of Malaysia. *International Journal of Zakat* 2(1) 2017 page 61-69
- Mahyeddin, M., Salleh, Mohd, Ahmad, N. M., & Rahman, A. A. (2011). Peranan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Murtad Di Kalangan Muallaf Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *The World Universities 1st Zakat Conference 2011 (WUIZC 2011)*, PWTC, Kuala Lumpur, 22-24 November 2011 (pp. 1–15).
- Mohammad Noorazlan Md Ismail & Nor Aini Ali (2023). Kenapa asnaf muallaf dan had pengukuran muallaf. *Al-Basirah Volume 13, No 1, pp. 25-41, Jun 2023*
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evolution and research methods*. Newbury Park London: sage Publications.
- Salasiah Hanim Hamjat, Zainab Ismail dan nor Shakirah Mat Akhir (2012). Kaedah penerapan ibadah dalam kaunseling. *Jurnal Teknologi*, 59, 87-92.
- Southwick, Bonanno, Masten, Panter-Brick & Yehuda, (2014). Resilience definitions theory, and challenges: interdisciplinary perspectives. *Eur J Psychotraumatol*, 5, 1-19, <http://doi.org/10.3402/ejpt.v5.25338>
- Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor. 2002. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Suariza@Hidayah Muhammad, Norrodzoh@Raudah Haji Siren & Yusmini Md Yusoff. (2018). Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Muallaf di Selangor. *Journal of Usuluddin*. 46. 123-146. 10.22452/usuluddin. vol 46 no 2.5.
- Sustainable Development Goals (2019). Dicapai pada 23 Februari 2019 di <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs> View publication
- Zakaria Bahari, . (2011). Pengagihan Zakat Produktif : Suatu Analisis Perbandingan Di Lembaga Zakat Selangor Dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. *The World Universities 1st Zakat Conference 2011 (WUIZC 2011)*, PWTC, Kuala Lumpur, 22-24 November 2011 (pp. 1–8).